

Sampah punca banjir kilat

Penduduk Taman Desa Merpati alami kerugian kali kedua tahun ini

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bharian.com

SALAK TINGGI: Kira-kira 120 rumah di Taman Desa Merpati di sini, dilanda banjir kilat apabila air setinggi kira-kira setengah meter memasuki kediaman penduduk malam kelmarin, iaitu kali kedua dialami penduduk tahun ini selepas bulan lalu.

Air mula melimpah ke kawasan berkenaan sekitar jam 8 malam selepas hujan lebat sekitar dua jam, sebelum surut sepenuhnya jam 6 pagi semalam yang dikaitkan dengan sistem perparitan tidak sempurna dan gagal diselenggara dengan baik.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Desa Merpati, Mohd Ismail, 38, berkata, banjir kilat itu kali kedua dihadapi penduduk dalam tahun ini dan kali keempat berlaku sejak kawasan perumahan berkenaan dibuka pada 2008.

"Sistem perparitan tidak diselenggara dengan sempurna menyumbang kepada masalah ini. Walaupun Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sepang

membina benteng untuk mengelak banjir, keadaan masih tidak berubah," katanya kepada *Berita Harian*.

Beberapa penduduk melaporkan kerosakan barang di rumah masing-masing seperti peti sejuk, televisyen, kereta serta perabot kerana tidak sempat dialihkan berikutan air naik terlalu cepat.

Hampir 30 keluarga terpaksa dipindahkan ke Dewan Serbaguna Pekan Salak, kira-kira tiga kilometer dari situ bagi mengelak kejadian tidak diingini tetapi dibenarkan pulang kira-kira jam 7 pagi semalam selepas air surut.



Sistem perparitan tidak diselenggara dengan sempurna menyumbang kepada masalah ini

Mohd Ismail Ismail
Pengerusi Persatuan Penduduk
Taman Desa Merpati



MOHD ISMADI mengawasi kawasan sekitar ketika banjir kilat di Taman Desa Merpati.

Mangsa banjir, Khairul Fahmi Baharudin, 28, mendakwa penduduk di kawasan berkenaan terpaksa menanggung kerugian sehingga hampir RM10,000 disebabkan banjir kilat yang berlaku.

"Kebanyakan perabot, peralatan elektrik, perkakas rumah dan kereta rosak kerana ditenggelami air. Setiap kali selepas banjir, kami terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk menggantikan perkakas yang rosak dan ia membebankan," katanya.

Tinjauan *Sentral* pagi semalam mendapati kawasan taman perumahan itu dipenuhi sampah-sarap yang dibawa air banjir, manakala penduduk sibuk membersihkan rumah masing-masing.

Sebahagian besar mereka terpaksa mengambil cuti kecemasan untuk membersihkan kediaman masing-masing, manakala sesetengah pelajar yang bersekolah sesi pagi tidak dapat ke sekolah berikutan bencana alam itu.

Mangsa lain, Mohd Kahar Mohd Sabirin, 46, berkata banjir kilat yang berlaku itu mengganggu jadual seharian mereka.

"Setiap kali banjir kilat, kami terpaksa mengambil cuti kecemasan untuk mengemas rumah yang kotor dan dipenuhi sampah dan lumpur," katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa perlu menyelesaikan masalah itu segera kerana penduduk khuatir kejadian berulang berikutan mu-

sim hujan akan tiba tidak lama lagi.

"Disebabkan hujan tidak menentu sekarang, kami terpaksa berjaga-jaga sepanjang masa kerana banjir kilat boleh berlaku, berbanding hanya sekali setahun banjir kilat sebelum ini," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Perundingan Penduduk (JPP) Zon Salak, Lwi Kian Keong, berkata, walaupun benteng mengelak banjir dibina JPS, masalah sama tetap berulang, malah lebih teruk.

"Kita tidak mahu penduduk di taman perumahan itu menghadapi masalah sama berulang kali kerana mereka berhak mendapat kehidupan sempurna dan selesa," katanya.